

Umum	
Apakah BSNeBiz?	BSNeBiz merupakan kemudahan pembayaran dalam talian yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan untuk menyesuaikan dengan keperluan perniagaan anda.
Bagaimanakah BSNeBiz berfungsi?	Apabila sesebuah organisasi melanggan perkhidmatan BSNeBiz, ID pengguna dan kata laluan sementara dibekalkan untuk log masuk ke portal. Kemudian anda boleh menggunakan fungsi <i>data entry</i> untuk memasukkan arahan pembayaran atau anda boleh memuat naik fail yang tersedia untuk dihantar kepada kami untuk menjalankan arahan pembayaran anda.
Mengapa saya memerlukan BSNeBiz?	• Di BSNeBiz, dapat mengurus pembayaran dalam talian anda dengan selamat di satu tempat. • Maklumat baki akaun terkini serta maklumat transaksi urus niaga. • Transaksi tunggal atau pukal, pindahan segera atau pesanan tetap, BSNeBiz membantu organisasi menjadi lebih cekap dan mematuhi peraturan kewangannya sendiri. • Mengurangkan pentadbiran dan meningkatkan kecekapan masa, yang membolehkan organisasi memberi tumpuan kepada apa yang paling penting untuk perniagaan.
Bagaimanakah saya berhubung dengan BSNeBiz?	Pastikan anda mempunyai akses internet dan taip www.bsnebiz.com.my
Bolehkah saya log masuk ke BSNeBiz melalui komputer riba / telefon bimbit / tablet?	Ya. Selagi peranti anda mempunyai akses ke Internet, anda boleh mendapatkan akses global melalui komputer riba dan applikasi mudah alih BSNeBiz untuk melakukan urusan kewangan dan bukan Kewangan.
Adakah saya perlu memasang perisian untuk menjalankan BSNeBiz?	Tidak, anda boleh menggunakan web browser biasa dengan javascript.
Apakah perkhidmatan yang ditawarkan di BSNeBiz?	• Pengurusan Akaun • Pembayaran Pindahan Dana & Bil • JomPay • DuitNow Transfer/QR • Pembayaran Pukal • Autodebit • Pembayaran Berkanun (KWSP) • Pelaporan Transaksi • Pengesahan pelbagai tahap boleh disesuaikan

Adakah perkhidmatan BSNeBiz 24 jam?	BSNeBiz boleh diakses untuk baki akaun dan ianya tertakluk jika ada penjadualan penambahbaikan sistem. Penambahbaikan sistem ini akan dipaparkan di laman utama dan selepas log masuk.
Keselamatan dan Dasar	
Bagaimanakah BSNeBiz memastikan data pelanggan dipindahkan dengan selamat dan dilindungi semasa penggunaan?	BSNeBiz komited untuk memastikan bahawa urusan pemindahan data adalah selamat dan dilengkapi dengan fungsi pengesahan dua faktor (OTP and Challenge-Response) dan menggunakan penyulitan data untuk memastikan penggunaan yang selamat dan terjamin.
Tempoh Bertenang & Peningkatan Had Transaksi	
Apakah maksud tempoh bertenang (<i>cooling-off period</i>)?	Tempoh bertenang adalah tempoh menunggu 12 jam yang bermula apabila anda membuat permintaan untuk meningkatkan had transaksi anda dan berakhir apabila perubahan tersebut dilaksanakan.
Bolehkah transaksi dilakukan semasa tempoh bertenang (<i>cooling-off period</i>)?	Ya. Sepanjang tempoh bertenang, anda masih boleh melakukan transaksi mengikut had semasa tanpa sebarang gangguan. Had peningkatan baharu hanya akan berkuat kuasa selepas tempoh 12 jam tamat.
Bolehkan saya menghantar permintaan baru untuk mengubah had transaksi dalam talian saya semasa tempoh bertenang (<i>cooling-off period</i>)?	Tidak. Anda hanya boleh menghantar permintaan baru, sama ada untuk meningkatkan had atau untuk melaraskan had transaksi kepada jumlah yang sama atau lebih rendah daripada had transaksi semasa, setelah lengkap 12 jam tempoh menunggu sedia ada. Penetapan syarat ini bertujuan sebagai langkah keselamatan untuk melindungi akaun anda.
Adakah tempoh bertenang diperlukan apabila had pemindahan dikurangkan?	Tidak. Tempoh bertenang hanya terpakai apabila anda meningkatkan had pemindahan anda. Ia tidak menjejaskan perubahan untuk menurunkan had anda.
Apa yang berlaku jika saya ingin membatalkan permintaan peningkatan had pemindahan semasa tempoh bertenang?	Permintaan ini tidak boleh dibatalkan. Anda perlu menunggu sehingga tempoh cooling-off berakhir sebelum membuat perubahan semula.
Bolehkah saya membuat transaksi melebihi had pemindahan semasa semasa Tempoh Bertenang?	Tiada. Transaksi yang melebihi had semasa anda akan ditolak sepanjang tempoh bertenang. Had baharu akan berkuat kuasa sebaik sahaja tempoh tersebut tamat.
Adakah terdapat pengecualian semasa tempoh bertenang untuk transaksi kecemasan?	Tidak. Tempoh bertenang selama 12 jam adalah wajib untuk semua peningkatan had pemindahan, tanpa pengecualian.

Bagaimanakah saya hendak meningkatkan had pemindahan saya?	Untuk meningkatkan had pemindahan anda, sila ikuti langkah-langkah berikut: a) PENTADBIR KORPORAT - Akses BSNeBiz Approval Matrix Module - Klik "Edit", kemas kini jumlah yang ingin ditetapkan sebagai Had Pemindahan baharu, kemudian klik "Next". - Masukkan <i>challenge response code</i> dan klik "Confirm". - Semak Approval Matrix Module untuk mengesahkan perubahan had pemindahan. b) PENGGUNA TUNGGAL - Akses "Maintenance Module" dan pilih "Transaction Limit". - Klik "Edit", kemas kini jumlah yang ingin ditetapkan sebagai Had Pemindahan baharu, kemudian klik "Next". - Masukkan <i>challenge response code</i> dan klik "Confirm". - Semak Transaction Limit Module untuk mengesahkan perubahan had pemindahan.
Adakah saya akan menerima notifikasi apabila had baharu diaktifkan pada akaun saya?	Ya. Anda akan menerima notifikasi melalui Aplikasi BSNeBiz sebaik sahaja had pemindahan baharu anda diaktifkan, dan anda boleh mula membuat transaksi sehingga had yang telah dikemas kini.
Lain-lain	
Siapa yang boleh saya hubungi untuk mendapatkan bantuan?	Anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan Pelanggan BSN melalui talian 03-2613 1900 atau kunjungi Cawangan BSN yang terdekat untuk mendapatkan bantuan.